

Peminj'am Skim Kredit Mikro perlu ambil insurans

UM 19 JUL 2003

BACHOK 18 Julai — Kementerian Kewangan akan memastikan para peminjam Skim Kredit Mikro mengambil insurans bagi mengelakkan anggota keluarga dibebani hutang jika mereka meninggal dunia.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Shafie Salleh berkata, dengan berbuat demikian, anggota keluarga peminjam skim berkenaan tidak perlu menanggung beban hutang jika mereka meninggal dunia, kerana ia akan ditanggung oleh syarikat insurans terbabit.

"Katakanlah si Ahmad meminjam, tiba-tiba dia meninggal dunia kerana kemalangan. Siapa nak bayar? Itu fasal orang yang meminjam kita minta dia ambil insurans.

"Jadi, kalau dia meninggal dunia tak payah keluarganya pula dibebankan supaya bayar balik hutang tetapi syarikat insurans akan bayar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan penerangan mengenai dasar-dasar kerajaan dan Pakej Rangsangan Ekonomi (Kredit Mikro) kepada peniaga dan beliau di jajahan ini di Sekolah Menengah Kebangsaan Long Yunus, Beris Kubur Besar di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Shafie berkata, bagi peminjam-peminjam yang gagal membayar semula pinjaman, pihak bank akan berjumpa dengan mentor mereka bagi mencari jalan penyelesaian.

Katanya, dalam kes peminjam terbabit tidak mempunyai mentor, pihak bank akan menyusun semula pinjaman itu supaya dia dapat membayar balik pinjaman tersebut.

"Kita tidak akan menyusahkan mereka. Apa yang kita harapkan kita akan susun semula pinjamannya kerana kalau tak bayar balik, dia akan gangu orang lain

yang nak pinjam kerana itu merupakan duit pusingan," katanya.

Menurut Shafie, sehingga 13 Julai lalu, sebanyak 20,092 permohonan Skim Kredit Mikro telah diterima oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad (BPMB) di seluruh negara melibatkan jumlah RM307.788 juta.

Daripada jumlah itu, sebanyak 9,724 permohonan telah diluluskan dengan nilai RM121.908 juta sementara 8,874 permohonan lagi dengan nilai RM136.624 juta masih menunggu keputusan sama ada diluluskan atau sebaliknya.

Bagi Bank Simpanan Nasional (BSN) pula, katanya, sejumlah 15,414 permohonan melibatkan RM250.911 juta telah diterima sehingga Rabu lalu. Daripada jumlah itu, sebanyak 628 permohonan telah diluluskan dengan nilai pinjaman sebanyak RM5.742 juta.

Sebelum ini, ketika membentangkan Pakej Strategi Baru Ekonomi, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan peruntukan RM1 bilion di bawah Skim Kredit Mikro bagi membantu peniaga kecil.

Melalui skim itu, BSN dan BPMB telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan skim tersebut.

Sebanyak RM500 juta diperuntukan kepada BPMB bagi pinjaman perniagaan berasaskan pertanian dan RM300 juta kepada BSN untuk perniagaan bukan pertanian.

Bagi peruntukan pinjaman skim itu disalurkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) melalui Bank Pertanian.